

NEGERI YANG SEMBILAN
(DRAFT PERTAMA)

JILID DUA

NORHALIM HJ. IBRAHIM

BAB

ENAM

~~LIMA~~ BELAS

ERA BARU

BAB ENAM BELAS

ERA BARU

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, beberapa hari selepas menandatangani Perjanjian 31 Mac
 du, Datuk Sedia Raja Serunt bersama Orang Besarannya dan Lembaga Trang Balai Kerajaan Rembau telah
 mendapatkan Hervey Residen Konselor Muka meminta nasihat mengenai sistem pemungutan hasil
 Rembau. Berikutan dengan itu, Gabenor dan Residen Konselor telah melawat Rembau dari masa ke
 masa untuk memberi nasihat kepada Penghulu dan Pembesar- Pembesar Kerajaan Rembau, menyelesaikan
 kan pertelingkahan di kalangan mereka dan mengawasi pembinaan jalan yang di bina dengan wang
 pendahuluan dari pembendaharaan Tanah Tajahan (Thio, 1969: 40). Mulai tahun 1883 British
 telah memberi wang pinjaman kepada kerajaan Rembau untuk pembinaan jalan. Menjelang tahun
 1885 kerajaan British telah mengeluarkan wang sejumlah $\$19,588.32\frac{1}{2}$ untuk tujuan tersebut.
 Pecahan pinjaman tersebut mengikut tahun (Shewitz Khan, 1986: 64) adalah seperti berikut,

1883	565.93
1884	11,444.30 $\frac{1}{4}$
1885	7,580.09 $\frac{1}{4}$
Jumlah	19,588.32 $\frac{1}{2}$,

Tetapi sebahagian daripada wang tersebut telah diambil oleh pembesar-pembesar tertentu untuk kegunaan
 pribadi (Thio, 1969: 41). Akibatnya, kerajaan Rembau hanya berjaya membina runtu dan jalan

'eram kaki' sepanjang lima batu sahaja.

Untuk beberapa tahun mulai tahun 1883 pihak British hanya menghadkan pengaruhnya kepada memberi bantuan praktikal dan nasihat sahaja tanpa mencampuri hal ehwal pentadbiran. Aturan sedemikian itu mempunyai kecacatan. Antaranya ialah pihak British tidak dapat mengawal dan menguasai konsesi yang diberikan oleh pembesar-pembesar Rumbau. Penanam ubi kayu China dari Melaka telah membuka tanah yang semakin hari semakin luas di Rumbau. Ekoran daripadanya, apabila hasil konsesi itu semakin bertambah, pertelingkahan antara Penghulu dengan pembesar-pembesar menjadi meruncing akibat pengagihan yang tidak tersusun. Hasil daripada iri hati dan kesukaran yang berpunca daripadanya itu telah membuatkan Gabenor Weld mencampurinya dalam bulan Januari 1887 apabila beliau bertemu kepada Penghulu Serun dalam pertelingkahan itu. Untuk mengelakkan dari berlanjutrnya pertelingkahan itu Weld telah mendapatkan satu lagi perjanjian dengan kerajaan Rumbau pada 17 September 1887.

Sebelum tarikh tersebut Weld telah memberitahu Datuk Serun tentang butir-butir perjanjian itu secara kasar. Antaranya adalah berkenaan hasil mahsul kerajaan Rumbau. Beberapa hari sebelum menandatangani perjanjian itu Datuk Serun telah mendapatkan Datuk Syahbandar di Legong untuk merundingkan butir-butir perjanjian itu. Datuk Serun bercadang supaya hasil Rumbau di bahagi dua sahaja iaitu sebahagian diserahkan kepada British dan selebihnya diambil oleh Rumbau. Cadangan

ini tidak disetujui oleh Datuk Syahbandar kerana pada pendapatnya, jika hasil itu dibagi dua

British tidak akan mendatangkan kemajuan kepada Rembau. Rembau pula tidak mempunyai alat

untuk menjalankan pembangunan seperti membina jalan dan taliair jika Rembau menerima

setengah bahagian hasil itu. Pada pertengahan bulan September Datuk Serun telah berangkat

ke Melaka bersama-sama dengan Lembaga Tiang Balai Rembau.

Setelah murundingkan isi surat perjanjian itu, pada 17 September 1887 Perjanjian

Rembau-Inggris telah ditandatangani. Pada mula perundingan itu Pembesar Pembesar Kerajaan

Rembau agak sukar menerima cadangan Weld mengenai pembahagian hasil mahsul,

Mereka bercedia membenarkan British mengutip hasil tetapi menuntut agar semua hasil

itu diserahkan kepada mereka untuk perbelanjaan sendiri. Mereka terus bertegas sehingga

Weld mengancam menarik semula kesemua bentuk bantuan British daripada Rembau. Ber-

kaitan dengan ini Datuk Serun beberapa hari selepas menandatangani perjanjian itu telah berkata

bahawa beliau "sanggup melakukan apa sahaja yang dipinta oleh kerajaan British" tetapi

beliau akan ubi bergembris "sekitarnya kesemua hasil mahsul Rembau itu diserahkan ke

dalam tangannya" (Thio, 1969: 42).

Melalui Perjanjian itu Rembau bersetuju menyerahkan soal kutipan hasil mahsul dan

pentadbiran kepulauan Rembau kepada seorang Pegawai British. Datuk Serun dan Lembaga-

Lembaga Rantau bersejua menerima satu pertiga daripada jumlah hasil tahunan yang di bayar kepada Kerajaan Rantau tiap-tiap tiga bulan sekali. Beberapa soal kehakiman, sama ada sivil atau jenayah telah juga diserahkan kepada kuasa dan pentadbiran British (Maxwell dan Gibson, 1924: 50-51).

Daripada kenyataan Datuk Serun seperti yang dinyatakan di atas jelas menampakkan perubahan sikap dan nilai di kalangan pemimpin-pemimpin adat Kerajaan Rantau. Mereka telah membekalkan langsung nilai dan semangat perlembagaan adat — bekerjasama dan mementingkan kelompok —; sebaliknya mereka telah membawa sikap dan nilai mementingkan diri sendiri. Dengan kata-kata lain mereka menjadi individualistik dan materialistik iaitu nilai dan sikap yang bertentangan dengan adat yang mereka amalkan dan yang menjadi tugas mereka mempertahankan. Untuk selama empat tahun (1883-1887) telah diumpun dengan chit. Mereka, 'punjaga adat', menjadi lalai dan lupa bahawa mengikut aturan adat adalah suatu kesalahan untuk menerima sogokan — linau masam sebelah, perahu karam sekerat atau kena di mata di picingitan, kena ke perut di tempiskan. Mereka telah mengorbankan kedaulatan, kebebasan dan kemerdekaan Kerajaan Rantau apabila mereka menerima bantuan kewangan daripada British. Mereka menjadi sangat bergantung kepada bantuan luar sehingga melupakan kepayaan dan keinginan untuk berdikari. Ini telah menghasilkan suatu keadaan yang menyedihkan bagi sebuah kerajaan yang megah, ber-

daulat dan digeruni pada suatu ketika dahulu.

Pemimpin-pemimpin Rembau ataiab mahkamah kangaroo Weld dan Perjanjian 1883 telah

"datang menyerah diri ke tangan British seperti binatang liar dan buas yang telah dijinakkan dan

menyembah memohon bantuan". Weld telah diampamakan sebagai punukul gendang dan Pembesar-

Pembesar Rembau adalah punai yang akan menari mengikut bentuk paluan gendang Weld. Mereka

menjadi terlalu bergantung sehingga tidak mampu membuat sesuatu tanpa British, sehingga Weld,

semasa membentangkan laporan kepada Majlis Legislatif di awal tahun 1886 dengan penuh

yakini berkata:

Jikalau mereka tidak menurut kata ancamannya ialah, "Jikalau kamu berdegil juga saya akan meninggalkan kamu". Itu sahaja ancaman yang perlu. Mereka akan datang dan berkata, "Kutiplah hasil hasil kami dan belilah kami sebagaimana yang difikirkan patut; kami akan bersetuju dengan apa sahaja yang tuan kemukakan".

(Kutipan Sherif Kuan, 1986:65).

Weld telah berjaya menjatuhkan taraf dan martabat Pembesar-Pembesar Rembau ke taraf peminta

sedekah. Weld telah mengkotakan kata-katanya di Majlis Legislatif awal 1886 dan apabila Datuk

Serun berdegil mengenai syarat-syarat Perjanjian September 1887 seperti dinyatakan di atas,

Ada beberapa perkara yang harus di beri perhatian mengenai Perjanjian September 1887 tersebut

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh "Datuk Penghulu, Datuk Perba" dan "Datuk Menteri

Lela Perkasa" bagi pihak kerajaan Rumbau dan "Fred A. Weld" bagi pihak kerajaan British dengan

Martin Lister sebagai saksi (Maxwell dan Gibson, 1924:52). Menurut Perlembagaan kerajaan Rumbau

untuk kesahan sesuatu perjanjian itu, tandatangan dua orang pembesar Rumbau selain daripada

Penghulu tidak memberi makna dan bernilai. Tandatangan yang penting dan diperlukan serti mesti ada

untuk kesahan sesuatu perjanjian itu, yang dalam tahun 1883⁽¹⁾ sangat ditekankan oleh Weld ada-

lah tandatangan Datuk Lembaga Tiang Balai Yang Lapan. Dalam Perjanjian September 1887 tanda-

tanagan Datuk Lembaga Tiang Balai tidak ada⁽²⁾. Justeru itu, mengikut Perlembagaan Adat kerajaan

Rumbau dan mengikut pandangan Weld sendiri yang dicatikkannya secara rasmi pada dokumen

Perjanjian 31 Mac 1877 pada 6 April 1883, adalah tidak sah. Bagaimanapun, pengganti Weld⁽³⁾,

Cecil Smith di akhir tahun 1887 telah menghantar seorang Pemungut Cukai dan Majistrate ke

Rumbau sebagai memeruhi kehendak Perjanjian tersebut. Ini berbanding dari pandangan British

Perjanjian itu adalah sah!

Sehubungan dengan dua pandangan yang kubiza ini kita dapat merumuskan bahawa melalui

Perjanjian tersebut Weld dan pihak British tidak lagi menghormati, mengindahkan dan malahan telah

mengerepikan kehendak dan semangat Perlembagaan Adat kerajaan Rumbau walaupun empat tahun

sebelum itu, perlembagaan yang sama secara tidak langsung telah diperalat dan dipermudahkan

untuk menjatuhkan Penghulu dan kedaulatan kerajaan Rumbau. Pihak Datuk Serun, bekas Datuk

Syahbandar ialah salah seorang Orang Besar Penghulu, Datuk Perba, Tua Waris dan Datuk

Menteri Lela Perkasa, orang yang ditunjukkan oleh Weld untuk menggantikan Datuk Haji Sahit, kesemua-

nya adalah orang "tahu adat" dalam kerajaan Rembau yakni pemimpin-pemimpin yang sepatut-

nya menjadi pagar dan benteng serta tunjang kepada perjalanan Perlembagaan Adat juga telah mem-

bawa sikap yang sama. Mereka, dengan menandatangani Perjanjian itu tanpa membawa serta

Lembaga Tiang Balai telah mengesahkan peruntukan Perlembagaan Adat yang mereka junjung,

yang mereka jaga dan yang diamanahkan kepada mereka oleh rakyat Rembau. Mereka tidak

sedikitpun, sejauh yang ditapurkan, memprotes mengenai ketidak hadiran Lembaga Tiang Balai

semasa menandatangani Perjanjian itu. Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai sendiri telah "memhatikan"

diri dalam perkara ini. Empat tahun sebelum itu, isu ini adalah isu sensitif dan telah dijadikan

salah satu agenda mahkamah kangaroo Weld, di mana mereka turut berseerta untuk mengguling-

kan Datuk Haji Sahit. Dan yang lebih ironi, peningkatan status Datuk Serun daripada taraf

Orang Besar Penghulu (Datuk Syahbandar) ke kedudukan Penghulu (Pemerintah) sebuah

kerajaan, secara tidak langsung, adalah atas isu yang sama! Perjanjian September 1887 dengan

jetas menunjukkan bahawa 'hidung' pemimpin kerajaan Rembau telah 'ditindak' oleh pihak

British amnya dan Weld khususnya.

Jikalau tamadun Adat Perpatih itu diandaikan sebagai sebatang pokok nimbun maka

kekuatan dan kesuburannya serta tegaknya terletak pada Perlembagaannya yang dapat dianggap

sebagai urat tunjang pokok tersebut. Apabila Perlembagaan (akar tunjang) itu di'ketipikan (di-

centas) oleh pemimpin (penanam pokok) yang sepatutnya mempertahankannya (memagar dan

membajanya) maka sistem adat atau tamadun bangsa itu akan mulai tidak berfungsi lagi (layu)

dan kemudian tidak di'audikan lagi (mati). Perjanjian September 1887 itu boleh diumpamakan

sebagai tindakan pemimpin Rembau mencantas sendiri urat tunjang tamadun Adat Perpatih.

Maka mulai tahun itu tamadun Adat Perpatih di Rembau khususnya dan di Negeri Sembilan

amnya mulai tidak berfungsi lagi.

Dengan persetujuan Rembau menerima seorang pegawai tadbir British melalui Perjanjian

tersebut secara tidak langsung Rembau telah bernaung di bawah Inggeris (Kennedy, 1962: 184).

Dalam bulan Oktober 1887 A. Hale telah di'antik menjadi Majistrate dan Pemungut Hasil bagi

Rembau. Beliau telah di'beri pejabat di Tampin⁽⁴⁾. Dari segi struktur dan organisasi pentadbiran,

Hale adalah pembantu kepada M. Lister, Majistrate dan Pemungut Hasil Persekutuan Seri

Menanti. Dengan demikian, walaupun tidak pada nama, mulai ketika itu Rembau, Tampin

dan Gemenchuh dapat dianggap sebagai telah bergabung dengan Persekutuan Seri Menanti.

Untuk menyenangkan beliau menjalankan tugas di Rembau sebuah 'pejabat daerah' telah di'buca di

Ucending. Pejabat ini kemudian di'pindahkan ke Kampung Lada Cikungkau, kemudian di'pindahkan

ke Chuanong yang terletak berhampiran dengan pekan Chungkan sekarang. Daripada situ dipindahkan

pula ke Kampung Batu (terletak di hadapan masjid Kampung Batu hari ini) dan di awal abad

ke 20 dipindahkan pula ke Tambang Kuda iaitu pekan Rimbau sekarang, Perakawi British

bagi kerajaan Rimbau itu, walaupun pemerintahnya tidak bertaraf Residen seperti di Perak dan

Selangor namun kuasanya tidak jauh bezanya dengan seorang Residen. Justeru itu, dengan

Perjanjian September 1887 nyatalah Rimbau, walaupun tidak resmi, telah menerima sistem Residen

British.

Pada 11 Mac 1889 Datuk Serun telah dijemput menghadiri suatu perjumpaan antara pembesar-

pembesar Melayu dengan Gabenor Smith. Pembesar-pembesar Melayu lain yang hadir adalah

Tengku Muhammad Yamtuan Suri Menanti, Tengku Muda Cik juga dari Seri Menanti, Syed Hamid

daripada Tampin, Datuk Baginda Tan Mas Wan Omar wakil Penghulu Johol dan beberapa orang

Datuk Lembaga daripada setiap negeri tersebut. Tujuan perjumpaan itu adalah untuk mendapat-

kan persetujuan pembesar-pembesar tersebut mengabungkan negeri-negeri mereka di bawah suatu

persekutuan agar pentadbiran dapat di seragamkan (Sharifa Khan, 1986: 68). Kesemua yang

hadir, melainkan Datuk Serun dan Syed Hamid, bersetuju dengan cadangan itu. Walau bagaimanapun,

setelah dibincang — menarik semua sokongan British, seperti yang di katakan oleh Nidd dalam tahun

1886 — akhirnya mereka terpaksa menerima cadangan itu.

Pada 13 Julai 1889 satu perjanjian telah dibuat dengan mana Rembau dan Tampin bergabung dengan Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Johor, Inas dan Gemendeh membentuk suatu Gabungan Negeri. Negeri yang dikenali sebagai Negeri Sembilan (Sadka, 1968: 118). Melalui Pertaka Satu Perjanjian itu, negeri-negeri tersebut dengan risminya bernaung di bawah Kerajaan Inggen's; dan melalui Pertaka Dua, negeri-negeri tersebut juga mengakui menerima bantuan seorang Residen British dari segi pentadbiran Gabungan Negeri Sembilan itu (Maxwell dan Gibson, 1924: 63). Pertaka Tiga Perjanjian itu yang berbunyi:

Adalah juga difahamkan bahawa aturan tersebut [Gabungan Negeri Sembilan] seperti yang dipersetujui tidak bermakna bahawa seorang Pembesar akan menguatkuasakan kuasa dan hakkuasanya ke atas negeri lain melainkan negeri yang diprivatkannya (Maxwell dan Gibson, 1924: 63),

telah memuaskan hati Datuk Serun dan Syed Hamid.

Pertaka Tiga itu harus diadakan untuk mendapatkan persetujuan Datuk Serun dan Syed Hamid menubuhkan Gabungan Negeri Sembilan itu. Pada peringkat perancangan (pertemuan 11 Mac 1889) sebagai dinyatakan di atas kedua-dua orang Pembesar itu tidak bersetuju dengan cadangan itu atas dasar:

(a) kedua-duanya tidak mahu mengakui ketuannya Seri menanti ke atas Kerajaan

Rembau dan Tampin.

(b) Syed Hamid bencikan Kerajaan Rumbau kerana menolak bekendahnya untuk menjadi Yang Dipertuan Muda Rumbau.

(c) Sebaliknya pula, Datuk Sirun tidak mahu Syed Hamid, yang masih menganggap dirinya sebagai Yang Dipertuan Muda Rumbau, menerusi Gabungan itu meneruskan usaha untuk mencapai cita-citanya itu.

Jadi dengan adalah Perkara Tiga itu, yang menjamin "kemerdakaan" setiap negeri dalam

Gabungan itu, kesenigaan kedua-dua orang Pembesar itu dapat diatasi, Perkara Tiga itu

menjamin bahawa kaitan mereka antara satu dengan lain, dan juga dengan Seri Munanti serta

negeri-negeri lain dalam Gabungan itu hanya melalui Residen British yang pada ketika itu

masih dikenali sebagai Penguasa Negeri Sembilan. Gelaran jawatan Heredout telah diganti

dengan nama British Residen dalam bulan September 1889 dengan M. Lister penyandang pertama.

Pusat pentadbiran bagi Gabungan Negeri Sembilan itu terletak di Kuala Pilah (Sadka, 1968;

198). Untuk tujuan pentadbiran Gabungan Negeri Sembilan itu telah dibagikan kepada dua unit,

iaitu satu di Kuala Pilah yang menguruskan negeri-negeri kecil di sekitar Seri Munanti dan Johol;

dan di Tampin yang mentadbir Rumbau, Tampin dan Gemenchah. Seorang Penguasai Daerah

telah diantik bagi mentadbirkan setiap daerah itu (Sheriff Khan, 1986: 70). Dengan demikian,

dari segi pentadbiran British, mulai akhir tahun 1889 Rumbau bukan lagi sebuah kerajaan

berdaulat dan merdeka, tidak juga bertaraf daerah tersendiri tetapi berstatus sub-daerah yang

bertu pejabatkan Tampin iaitu wilayah takluknya di zaman keagungan dan kemilangannya

Kedudukan dan status 'kerajaan' Rembau yang sedemikian ini berkrusan untuk selama waktu kurang

sembilan tahun walaupun melalui Perjanjian 24 Jun 1895 Gabungan Negeri Sembilan itu telah diper-

luaskan lagi dengan memasukkan dua buah negeri lagi iaitu Sungai Ujung dan Jelebu sebagai akhirnya.

Ini bermakna dengan Perjanjian 1895 itu terbentuklah Negeri Sembilan baru yang mengandungi sepuluh

buah negeri iaitu Rembau, Sungai Ujung, Jelebu, Johor, Tampin, Ulu Muar, Jempot, Terachi,

Gunung Pasiir dan Inas (Gemencheh hilang taraf negerinya). Martin Lister telah dilantik men-

jadi Residen British pertama bagi Negeri Sembilan baru tersebut dengan berpejabat di Seremban,

Sungai Ujung. Untuk melicinkan pentadbiran Negeri Sembilan baru itu telah dipecatikan kepada

lima daerah iaitu Seremban, kawasan Pantai (Daerah Port Dickson sekarang), Jelebu,

Kuala Pilah dan Tampin (Sherifa Khan, 1986: 74). Rembau tetap kekal bertaraf sub-

daerah di bawah daerah Tampin. Walaupun Perjanjian 1895 tersebut telah menggabungkan

sepuluh buah negeri namun melalui Perikara Tiga Perjanjian itu (Maxwell dan Gibson, 1924:

64) iaitu ulangan Perikara Tiga Perjanjian 1889, dan segi nama kesepuluh buah negeri itu

masih lagi 'di bawah pentadbiran Penghulu masing-masing melainkan negeri-negeri kecil

di selat Per Menanti yang di naungi oleh Yang Dipertuan Besar Seri Menanti.

Dua bulan selepas tarikh tersebut, satu lagi pembaruan dan segi pengutamaan pentadbiran

British telah berlaku. Dalam bulan Julai 1895 Negeri Sembilan telah diarahkan oleh kerajaan British

untuk menganggotai gabungan yang lebih luas — Gabungan Negeri-Negeri Bersekutu — yang bakal

ditubuhkan. Selain daripada Negeri Sembilan, Gabungan ini dianggotai oleh negeri Negeri Perak,

Selangor dan Pahang. Swettenham, Residen British di Perak telah diugaskan mendapatkan tanda-

tangan Pembesar-Pembesar Negeri Sembilan. Pada 23 Julai 1895 beliau telah menemui Datuk

Serun Penghulu Rimbau, Tengku Muhammad Yamtuan Besar Seri Menanti, Datuk Wan Eto

Rubah Penghulu Johor dan Syed Dura Tunku Besar Tampin. Selepas berunding selama tiga jam

Swettenham telah berjaya mendapatkan tandatangan mereka (Thio, 1969: 164). Melalui Perjanjian

Persekutuan 1895 itu Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Pahang disatukan di bawah pen-

tadbiran seorang ketua eksekutif bergelar Residen General (Cowan, 1961: 257). Kedudukan

dan status Penghulu Rimbau, dari segi 'pemerintahan' negerinya, melalui Perikata Tiga

Perjanjian itu tidak berubah (Maxwell dan Gibson, 1924: 70). Tetapi dari segi taraf, dengan

Perjanjian itu, melalui Perikata yang sama, Penghulu Rimbau setanding dengan Sultan-Sultan

Perak, Pahang dan Selangor. Kedudukan yang terakhir diletakkan juga tidak kekal. Ia

telah ditarik balik tiga tahun selepas itu, iaitu pada tahun 1898.

Pada penghujung bulan April 1898 atas desakan kerajaan British melalui E.W. Birch,

Residen British kedua di Negeri Sembilan, Datuk Serun serta Penghulu-Penghulu lain telah dipaksa mengakui Tengku Muhammad Yamtuan Besar Seri Menanti sebagai penaug dengan gelaran Yamtuan (Yang Dipertuan) Besar Negeri Sembilan. Perjanjian Negeri Sembilan 1898 itu, iaitu antara "Yang Dipertuan Besar Seri Menanti dan Undang Yang Empat" (Maxwell dan Gibson, 1924: 65-66), walaupun telah dirangka pada bulan April, hanya ditandatangani oleh Datuk Serun pada bulan Mei iaitu pada minggu penabalan Tengku Muhammad sebagai Yamtuan Besar (Birch, 1906: 18-19).

Ada beberapa perkara yang menarik mengenai Perjanjian 1898:

(a) Dokumen Perjanjian tersebut buat pertama kalinya menggunakan istilah

Undang (Lawgiver) secara resmi. Sebelum itu istilah yang digunakan adalah

Penghulu.

(b) Yang Dipertuan Besar Seri Menanti dinaikkan taraf secara resmi menjadi

Yang Dipertuan Besar (Yamtuan Besar) Negeri Sembilan.

(c) Negeri Sembilan diakui menjadi satu unit politik dengan Yang Dipertuan

Besar sebagai ketua pemerintah adat (Thio, 1969: 59); sedangkan di zaman

sebelum itu Yang Dipertuan hanya diakui sebagai lambang keadilan yang

dirujuk jika ada pertikaian.

(d) Berikutan dengan itu, Yang Dipertuan Besar daripada suatu status 'pemimpin'

yang tidak bernegeri dengan Perjanjian 1898 tersebut telah di'beri negeri' —

Negeri Sembilan.

(e) Demi kedudukan barunya itu Yang Dipertuan Besar yang sebelum itu tidak mempunyai penempatan telah di'beri akan tetap dan jumlah terbesar berbanding dengan Penghulu/Undang Negeri-negeri yang menafikan Negeri Sembilan.

Elau mereka adalah seperti berikut :

Yang Dipertuan Besar	\$6,000
Datuk Kelana Sungai Ujung	\$2,400
Undang Jelau	\$1,920
Undang Johor	\$1,800
Undang Rembau	\$1,800
Tunku Besar Tampin	\$1,800 (Sheriff Khan, 1986: 77).

(f) Penghulu Rembau dan Penghulu-Penghulu lain tidak lagi 'setaraf' dengan

Sultan-Sultan Negeri Melayu lain. Mereka 'diwakili' oleh Yang Dipertuan Besar

dan isteri itu Yang Dipertuan Besar pula yang setara dengan Sultan-Sultan Melayu

lain. Secara tidak langsung ini bermakna juga Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan

adalah lebih tinggi darjatnya (bukan lagi hanya berdarjat keadilayan) Penghulu-

Penghulu/Undang.

(g) Yang Dipertuan Besar, mengikut Perkara Tiga Perjanjian tersebut (Maxwell

dan Gibson, 1924: 65) tidak boleh mencampuri hal ehwal negeri-negeri di Negeri

Sembilan. Ini hanya merupakan suatu pengakuan kepada keperluan Perlembagaan

Adat. Tetapi dalam peruntukan yang sama semua kuasa pentadbiran negeri diserahkan

kepada British Residen. Kuasa yang tinggal hanya yang berkaitan dengan adat

istiadat (ini pun boleh dipersoalkan kebenarannya) dan undang-undang Islam.

(h) Yang paling menyedihkan ialah Perkara Lima Perjanjian (Maxwell dan Gibson,

1924: 66) yang membatalkan Penghulu/undang Negeri Sembilan berkuatkuasanya di

negeri masing-masing atas izin dan kurnia Yang Dipertuan Besar dan bukan atas

kuasa serta kawibawaan mereka sebagai Penghulu/undang di negeri masing-

masing. Pendeknya kemerdekaan dan kebebasan Penghulu/undang di Negeri Sembilan

pun dikuasai dan dipegang oleh Yang Dipertuan Besar.

(i) Walaupun mengikut Perjanjian ini, setidaknya pada teori terbayang sudah-

lah Yang Dipertuan Besar berkuasa, pada amalnya yang berkuasa penuh atas

segala-galanya adalah Residen British (Thio, 1969: 59).

(j) Kehairatam Tengku Muhammad untuk menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri

Sembilan ^⑥ dan berkuasa atas Penghulu-Penghulu yang melantiknya, walaupun pada

nama sahaja yang diperolehinya melalui Perjanjian 1898 itu telah digunakan sebagai

alat oleh British untuk menguasai negeri-negeri Adat Perpatih di Semenanjung Tanah

Melayu.

Dengan Perjanjian 1898 itu Rembau hilang identiti politiknya dan kedudukannya sebagai sebuah kerajaan merdeka, berdaulat dan di'geruni', ia telah wujud dan di'sepati' untuk tidak kurang dari 350 tahun. Tempoh masa ini dapat di bahagikan kepada fasa utama iaitu zaman ke-gemilangan yang berlangsung untuk tidak kurang dari 250 tahun (1540 - 1795) dan zaman kemundurannya yang berlangsung untuk lebih kurang 100 tahun (1795-1898). Sebelum ini, Rembau telah mengaustr masa tidak kurang daripada tiga kurun untuk membangun dari-pada sebuah leratak menjadi sebuah kerajaan (1540). Adalah penting pada peringkat akhir penulisan ini untuk menekankan dan menegaskan mengapa Rembau sebagai sebuah kerajaan yang pernah di'geruni' oleh Portugis dan Belanda boleh terperangkap dengan tipu muslihat British.

Daripada pemerhatian perkembangan sejarah Rembau sebelum dan sesudah wujud sebagai sebuah kerajaan maka bahawa tempoh fasa bertepatan sistem sosio-politiknya, iaitu sistem Adat Perpatih adalah dijadikan dan menjadi teras kehidupan mereka, tanpa kompromi. Ini bermakna, baik pemerintah, pemimpin dan pembesar mahupun rakyat (anak buah) Rembau sangat kuat dengan semangat berakhlak dan kepantasan tanpa sedikitpun mementingkan diri sendiri. Segala tindak tanduk mereka adalah untuk kepentingan bersama dan semua balai untuk individu

ataupun kelompok tertentu. Sikap dan amalan sebegini mulai marasot kira-kira di sekitar

tahun 1790. Nilai individualistis atau mementingkan diri sendiri telah mengambit tempat

dalam kehidupan Pembesar-Pembesar Kerajaan Rembau. Keadaan ini semakin ^{kuat} apabila atau di-

pertingkatkan oleh Syed Syed, orang bukan adat, yang diantik menjadi Yang Dipertuan Muda

Rembau. Dengan pertantikan beliau itu dalam cara hidup Pembesar-Pembesar Rembau telah di-

perkenalkan elemen-elemen negatif yang bertentangan dengan nilai Adat Perpatih seperti 'tawak,

'nasuah' dan 'mata duitan'. Pembesar-Pembesar Rembau mula mengumpulkan kekayaan, bukan

untuk kelompok atau anak buah masing-masing tetapi untuk diri sendiri. Pemecahan tradisi

adat ini telah mengakibatkan berlakunya persaingan di kalangan Pembesar-Pembesar untuk

mengumpulkan kekayaan. Tegaknya mulai tahun 1790an dalam kerajaan Rembau telah

berlaku kemerosotan pengamalan sistem Adat Perpatih.

Keadaan ini berterusan tanpa kawalan. Akibatnya kesatuan masyarakat Rembau

yang untuk tidak kurang dari tiga turun ditunjangi serta diawal oleh sistem Adat Perpatih

telah retak. Akhirnya sistem itu mulai runtuh dan ini dipertingkatkan pula dengan usaha

Pembesar-Pembesar mengumpulkan kekayaan untuk diri sendiri telah membawa dan mencetuskan

perang saudara — antara Penghulu dan Pembesar dan di kalangan Pembesar-Pembesar

sendiri. Keadaan anarki ini disemarakkan lagi di sekitar tahun 1880an oleh kelahiran

Syed Syaaban yang ingin dan beriya-itya serta berusaha untuk berkuasa semula dalam Kerajaan

Rembau, Pertentangan dalaman yang membawa ketidakharmonian yakni nilai yang berlawanan

dengan kekendali sistem Adat Perpatih di kalangan Pembesar-Pembesar dan rakyat Rembau tidak

sejaja melaksanakan kerajaan Rembau tetapi juga memben' rebab kepada British untuk campur tangan

dan memben' justifikasi untuk mereka campur tangan. British menyatakan bahawa adalah

polisi mereka untuk sentiasa menyokong pihak yang "berhak". Ini jelas sekali berlaku dalam

peristiwa pemecatan Datuk Haji Sahul danantikan Datuk Sirun sebagai Penguili Rembau.

British, apabila di'ben' atau mendapat sedikit kuasa untuk membantu menyelesaikan masalah

dalamah telah menggunakan kesempatan itu untuk mengambil alih keseluruhan pentadbiran

kononnya untuk meningkatkan keamanan. Sistem pentadbiran tempatan sedikit demi sedikit akan

diubah suai. Pengambil alihan ini jelas kelihatan dalam menandatangani dua perjanjian dengan

Kerajaan Rembau — Perjanjian 1883 di mana tanda tangan raja yang berkenaan ditekankan;

tetapi Perjanjian 1898 syarat kesahan sesuatu perjanjian Kerajaan Rembau mengikut Perlembagaan

nya di'atapkan. Akibatnya di'akhir tahun 1898 Kerajaan Rembau, dan segi geografi politik

British tidak wujud lagi, dan sebagai gantinya Rembau hanya dianggap sebagai sebuah

subdaerah kecil berada di bawah daerah Tampin. Ironinya kira-kira 60 tahun sebelum itu

Tampin adalah sebahagian daripada jajahan naungan Kerajaan Rembau. Mulai dari tahun

Kerajaan Rembau sudah tidak berfungsi lagi walaupun struktur dan organisasi sistem Adat-

Perpatih masih ada tetapi hanya dalam bidang sosial sahaja. Sistem politik adatunya telah

dibayangkan oleh sistem politik barat khususnya sistem politik British.

Notakaki

BAB ENAM BELAS

ERA BAHU

① Pada 6 April 1883 Weld yang baru sahaja mengambil alih jawatan Gabenor Negeri-Negeri

Selat telah membuat catitan pada dokumen Perjanjian 31 Mac 1877 antara Datuk Haji Sahul

di satu pihak, Jervois (Gabenor Negeri-Negeri Selat ketika itu) dan Maharaja Abu Bakar

Johor di pihak lain, menyatakan bahawa Perjanjian itu tidak sah kerana tidak ditandatangani

oleh kesemua datuk-datuk Lembaga atau sekurang-kurangnya "sebahagian besar" daripada

mereka (Maxwell dan Gibson, 1924: 49).

② Jikaupun Weld tidak mengetahui Datuk Lembaga mana di antara Datuk-Datuk Lembaga

Rimba yang tidak kurang daripada 20 orang, yang sepatutnya berserta untuk pengesahan se-

suatu perjanjian itu, beliau seharusnya mengisytiharkan komen yang ditulisnya pada dokumen

Perjanjian 31 Mac 1877 (lihat utaki 1 di atas) mengenai perkara tersebut: "sebahagian

besar daripada mereka (a large majority of them)". Dalam Perjanjian September 1887 itu

walaupun terdapat nama dua orang Pembesar Kerajaan Rimba, namun hanya seorang

sahaja yang bertaraf Datuk Lembaga, yakni Datuk Perlag. Datuk Muntri Lela Perkasa

tidak bertaraf Lembaga melainkan Orang Besar Penghulu. Seorang daripada tidak kurang

daripada 20 orang Datuk Lembaga (itupun bukan dari majlis Lembaga Tiang Balai yang

sebenarnya (rakyat) tidak dapat dikatakan sebagai "a large majority".

③ Weld telah bersara daripada jawatan Galtamor Negeri-Negeri Selat di bahagian

akhir tahun 1887. Beliau telah digantikan oleh Sir Cecil Clementi Smith.

④ Hale selain daripada berkuasa di Rembau, beliau juga bertugas untuk kawasan

Tampin dan Gemuruh.

⑤ Birch, anak bekas Residen British yang terbunuh di Pasir Salak, Pahang, telah meng-

ambil tugas daripada Martin Lister sebagai Residen British Negeri Sembilan pada 4

Jun 1897.


⑥ Tengku Muhammad telah berusaha sekali lagi dalam bulan September/Ogos 1925

memenuhi cita-citanya untuk berkuasa mutlak ke atas Negeri Sembilan. Pada tahun tersebut

